

Latihan 3

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Zah nak beli hadiah."

"Hadiah apa pulanya ini?" tanya bapa separuh kehairanan.

"Hadiah Hari Guru."

"Untuk siapa?" tanya emak pula. Keningnya berkerut.

"Untuk Cikgu Zaleha."

"Kalau tak berikan hadiah tak apa kan?" tanya bapa sambil mengunyah nasi goreng perlahan-lahan.

"Tak apa, tapi malulah Zah. Kawan-kawan semuanya beli hadiah untuk guru kesayangan mereka. Ada yang membuatnya sendiri. Mereka ada kakak dan abang yang tolong buat. Macam Zah ini, duit pun tak ada. Nak minta Abang Azman tolong buat, dia pula jauh di Shah Alam."

"Kalau macam tu, Zah pun boleh buat sendiri hadiah untuk Cikgu Zaleha," kata emak memujuk.

"Macam mana?"

"Menganyam."

"Anyam apa?"

"Raga, bakul atau tudung saji kecil buat hiasan di dalam rumah. Cikgu Zaleha itu perempuan, tentu dia gemar menyimpan hasil-hasil kerja tangan, tambahan pula daripada muridnya yang paling disayangi," kata emak lagi. Kali ini lebih bersungguh-sungguh memberikan cadangan. Azizah terdiam. Di hatinya terfikir juga akan kebenaran kata-kata emaknya.

(Dipetik daripada cerpen *Hadiah*, antologi Kuingin Berterima Kasih, Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

- (i) Berdasarkan petikan cerpen, apakah hadiah yang dicadangkan oleh emak Azizah untuk Cikgu Zaleha? [3 markah]

- (ii) Nyatakan **dua** persoalan yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut. [3 markah]

- (iii) Pada pendapat anda, apakah cara-cara lain untuk menghargai jasa guru selain memberikan hadiah? **KBAT** *Mentai* [4 markah]



Latihan 4

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Cikgu ... ini saja yang mampu saya berikan. Jangan buka sekarang, cikgu. Buka di rumah.” Azizah merayu kepada Cikgu Zaleha. Jemari nakal Cikgu Zaleha mencubit bucu kertas surat khabar pembalut hadiah daripada Azizah.

“Azizah, cikgu nak hadiah yang lebih besar, boleh?”

Wajah Cikgu Zaleha yang begitu tulus dan penuh kesungguhan itu ditengok Azizah lama-lama. Ingin meneka apa-apa yang tersirat di sebalik perkataan “besar” itu.

“Saya tak mampu, cikgu. Saya belajar buat hadiah ini pun kerana saya tak mampu membeli dengan wang, cikgu. Gaji bapa kecil sahaja. Emak tak ada gaji tetap.” Lurus luahan rasa Azizah. Cikgu Zaleha memaut bahu kanan Azizah.

“Profesor Azizah, cikgu yakin kamu boleh beri hadiah yang besar maknanya kerana kamu memang layak, rajin dan kuat berusaha. Hanya orang yang bersikap seperti Profesor Azizahlah yang akan memberikan kepuasan kepada cikgu. Tolong, ya?” Dengan bersungguh-sungguh Cikgu Zaleha meletakkan Borang Pertandingan Kraf Tangan Peringkat Daerah di tangan kanan Azizah. Ceraian B khusus untuk Azizah, iaitu menghasilkan dua puluh karya anyaman dengan menggunakan bahan semula jadi. Cikgu Zaleha yakin sungguh kepada Azizah yang diiktiraf sebagai murid yang serba boleh, cuma sifat rendah diri dalam diri Azizah itu terlalu tebal.

(Dipetik daripada cerpen *Hadiah*, antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

- (i) Mengapakah Azizah mengatakan bahawa dia tidak mampu untuk memberikan hadiah yang lebih besar kepada Cikgu Zaleha? [3 markah]

- (ii) Nyatakan **dua** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut. [3 markah]

- (iii) Sekiranya anda Azizah, apakah langkah-langkah yang akan anda ambil untuk menghasilkan kraf tangan yang bermutu? **KBAT** Menganalisis [4 markah]
